

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BILANGAN 20 TAHUN 2020**

**PELUPUSAN TANAH SECARA PEMBERIMILIKAN TANAH KEPADA  
PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN BAGI TUJUAN KEGUNAAN AGENSI  
YANG BERKAITAN DENGAN SUATU SISTEM BEKALAN AIR ATAU SUATU  
SISTEM PEMBENTUNGAN**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 25/2020 yang bersidang pada 02 Disember 2020 telah mempertimbangkan kertas MMK Bil. 25/2020/D 21 (162) membuat keputusan sebagaimana berikut:

2. Sekiranya pengambilalihan Majaari Services Sdn. Bhd. oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. dilaksanakan, semua tanah-tanah yang terlibat dengan sistem pembentungan hendaklah diberimilik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan selaras dengan perkara 85 (1) Perlembagaan Persekutuan tertakluk kepada Kaedah Tanah Kelantan 1966.
3. Bagi mana-mana tanah yang telah diwartakan untuk kegunaan Majaari Services Sdn. Bhd. di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Kelantan dan Setiausaha Kerajaan Negeri perlu diambil tindakan mengikut seksyen 64 Kanun Tanah Negara 1965 untuk dilupuskan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965.
4. Sehubungan dengan itu, kelulusan yang telah diberi (21 lot) kepada Majaari Services Sdn. Bhd. sebagaimana kertas MMK 18/2016/MT 6 (97) melalui fail PRTKB 05/2015 (7) dibatalkan.
5. Semua pentadbir-pentadbir tanah adalah diminta mengambil maklum dan tindakan sewajarnya selaras dengan pemakaian pekeling ini.



---

**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL** *D.P.S.K. (KELANTAN), K.M.N*  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN

**NEGERI KELANTAN**

**KEPADA :**

Yang Berbahagia / Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah PLANMalaysia@Kelantan (JBPD)
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU**

FAIL : PTG.KN.23/6/55

BERTARIKH : 24 Rabiul Akhir 1442H  
10 Disember 2020